


# PENJELASAN TENTANG SIKAP KUMPULAN BUDI UTAMA

Berita Harian, 13 September 1960, Page 4

 Article also available on Microfilm Reel NL2821

## **PENJELASAN TENTANG SIKAP KUMPULAN BUDI UTAMA**

*KUBU dan Menteri Pelajaran  
menchapai "saling pengertian"*

**Di-siarkan oleh**

**JABATAN SETIAUSAHA KUBU**

**S**A-BAGAIMANA yang telah tersiar dalam surat2 khabar bahawa satu perwakilan KUMPULAN BUDI UTAMA telah menemui Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, Inche Abdul Rahman bin Talib, pada hari Ithnin, 29 August, 1960.

Dalam pertemuan itu ikut serta Tuan Syed Nasir bin Ismail, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, dan Inche Abdul Majid bin Osman, Pegawai Perhubungan dan Kebudayaan Kementerian Pelajaran.

Kedua2 pihak telah membincangkan hal2 kebudayaan, termasuk juga hal2 yang mengenai Penyata Pelajaran Rahman Talib, khusus-nya dari sudut bahasa kebangsaan kita. Dan kedua2 pihak telah menjelaskan sikap

masing2.

**KUBU** menegaskan kepada2 Menteri Pelajaran bahawa penentangan **KUBU** terhadap kedudukan bahasa Inggeris, yang kami rasa a k a n mengechewakan perkembangan bahasa kebangsaan kita itu, tidaklah berarti bahawa **KUBU** menolak keseluruhan Penyata Pelajaran Rahman Talib itu.

**KUBU** menentang kedudukan bahasa Inggeris atas alasan bahawa bahasa Inggeris itu bahasa asing. Oleh itu **KUBU** tentu sahaja tidak sa-pendapat dengan gulongan2 politik mana jua pun, yang men-chuba mempertahankan bahasa2 asing lain-nya seperti bahasa Tionghoa dan Tamil, walau sa-kali pun hanya sampai tahun 1967 sahaja.

Perjuangan sa-tengah2 gulongan untok mendaulatkan bahasa2 yang lain daripada bahasa Melayu, kami anggap sa-bagai perjuangan yang bukan nasional sifat-nya, kerana bahasa2 yang lain daripada bahasa Melayu

bukan bahasa2 nasional dan tidak sa-layak-nya menjadi bahasa rasmi di-negeri kita ini.

Pada akhir perbincangan itu kedua belah pihak telah menchapai "saling pengertian" yang akan samaz di-pegang tegoh demi kepentingan nasional.

Menteri Pelajaran telah menyatakan sukachita-nya bila di-beritahu bahawa KUBU akan 'menyampaikan kepada-nya pendapat serta usul2 KUBU mengenai Penyata Pelajaran Rahman Talib itu.

Oleh kerana Menteri Pelajaran, yang bertanggungjawab serta kerkuasa penoh menurut kebijaksanaan-nya untok melaksanakan penyata pelajaran itu, telah mempunyai hubungan sa-chara langsung dengan KUBU sa-chara baik, maka segala kritik serta fitnah terhadap KUBU dari orang2 yang tidak kersangkut paut serta tidak mempunyai kuasa melaksanakan dasar pengajaran negeri ini tidak-lah di-pandang mustahak di-layani.